

NO. SOALAN : 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2016 (RABU)

SOALAN :

**YB Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta
PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) kadar pengangguran di Sabah bagi setiap tahun dari 2010-2015; dan
- (b) Nyatakan program mengurangkan kadar pengangguran di Sabah dan kejayaan atau masalah yang dihadapi dalam program tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Ekonomi negara yang kukuh telah berjaya menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat dan mengekalkan kadar pengangguran di tahap yang rendah iaitu di bawah 4%. Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa kadar pengangguran bagi negara ini adalah stabil antara 3.1% hingga 3.7% semenjak tahun 1990an. Bagi ahli ekonomi, Malaysia dianggap telah mencapai status guna tenaga penuh iaitu kadar pengangguran adalah 4% atau kurang¹.

Bagi negeri Sabah, kadar pengangguran pada tahun 2010 berada pada 5.5 peratus, 5.6 peratus pada tahun 2011 dan 2012, 5.3 peratus pada tahun 2013, 4.9 peratus tahun 2014 dan 5.0 peratus tahun 2015.

(b) Kerajaan amat prihatin akan isu pengangguran dan telah melaksanakan pelbagai langkah-langkah intervensi bagi mengatasi isu ini. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, beberapa langkah telah dirangka untuk memastikan belia terus kekal berada dalam sistem persekolahan sehingga tamat dan mendapat akses kepada peluang-peluang latihan sebelum menyertai pasaran buruh. Bagi belia yang telah kecinciran daripada sistem pendidikan dan menyertai pasaran buruh, Kerajaan akan memastikan mereka mendapat peluang dan akses untuk mengikuti pelbagai latihan kemahiran semula dan peningkatan

¹ Kadar pengangguran antara 4% hingga 6% telah dianggap sebagai guna tenaga penuh (Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)).

kemahiran atau dengan izin, *reskilling*, *upskilling* dan *multi-skilling* bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran yang dikehendaki oleh industri. Pelbagai skim latihan telah disediakan seperti Skim Kemahiran dan Kerjaya 1Malaysia (SKK1M), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan 1Malaysia Skills Training and Enhancement for the Rakyat (1MASTER).

Bagi mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah pula, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Pedana Menteri turut membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M). Semenjak program SL1M ditubuhkan pada Jun 2011, seramai 3,764 graduan Sabah telah mendaftar dengan SL1M. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,858 graduan telah mendapat pekerjaan. Manakala selebihnya masih menunggu penempatan di syarikat-syarikat yang mengambil bahagian di dalam program ini.

SL1M sentiasa mengatur pelbagai kerjasama strategik dengan pihak Kerajaan Negeri, agensi-agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat swasta termasuk universiti bagi mempergiat program SL1M di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak agar lebih banyak program dan karnival kerjaya diadakan bagi membuka lebih banyak peluang latihan dan pekerjaan kepada graduan terutama di Sabah. Pada bulan November ini, SL1M berhasrat untuk mengadakan Program Temu Duga Terbuka SL1M di Sabah dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah dan pelbagai pihak lain yang diharap dapat membantu lebih ramai graduan Sabah menerima manfaat melalui program CSR ini.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN BUDIMAN BIN MOHD
ZOHDI
[BN – UMNO]**

TARIKH : 9.11.2016 (ISNIN)

SOALAN : 27

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan program-program terbaru dibawah rancangan Pengupayaan Komuniti dan Infodesa dan sejauh manakah rakyat mendapat kesan dari program-program yang akan dijalankan kelak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Selaras dengan agenda ‘Membandarkan Luar Bandar’ di bawah transformasi KKLW, Kerajaan telah melaksanakan penambahbaikan terhadap beberapa program-program pengupayaan komuniti dan infodesa antaranya adalah :

- (1) peranan Mini RTC telah dimantapkan sebagai Satu Hentian Pelbagai Perkhidmatan bagi tujuan meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan dan menyelami denyut nadi rakyat melalui empat (4) fokus baru iaitu :
 - (i) sebagai Pusat Perkhidmatan Setempat di mana Mini RTC menyediakan ruang kepada pihak Agensi/ Jabatan, Swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk memberi perkhidmatan kaunter bergerak (*mobile service*) secara berkala kepada penduduk setempat. Aktiviti ini akan dilaksanakan dengan kerjasama pihak-pihak yang

menawarkan perkhidmatan Bantuan Kebajikan (seperti JKM, Zakat dll), Peluang Peningkatan Pendapatan (seperti MARA, FELCRA, RISDA, AIM dll), Kemasyarakatan (seperti Klinik Kesihatan, Pos Bergerak dll) dan Ejen Kewangan (seperti BSN, AgroBank dll);

- (ii) sebagai Pusat Latihan Komuniti di mana Mini RTC akan menyediakan latihan dalam bidang-bidang kemahiran (seperti dandanan diri, *post natal*, urusan perkahwinan, *online business*, jahitan, masakan dll) bagi memastikan penduduk sekitar dapat mengurangkan bebanan kos sara hidup dan menjana pendapatan tambahan secara kecil-kecilan. Kerjasama strategik akan diadakan dengan pelbagai Agensi/Institut Latihan yang berhampiran dengan Mini RTC seperti Pusat Giatmara, Kolej Komuniti dan sebagainya;

- (iii) sebagai Pusat Kesukarelawan di mana kementerian sedang menggembangkan penyertaan golongan belia kampung, anak-anak di perantauan dan komuniti bandar untuk aktif dalam kegiatan kemasyarakatan (seperti gotong royong, kecemerlangan pendidikan, sukan rekreasi dll). Di dalam hal ini, Mini RTC telah mengadakan kerjasama dengan pihak Jabatan Belia dan Sukan, IM4U, IPTA/IPTS dan sebagainya; dan
- (iv) sebagai Pusat Pengumpulan Hasil Tani/ IKS di mana kementerian sedang dalam perbincangan kolaborasi strategik dengan pihak FAMA, LPP, MARDI dan lain-lain Agensi/Jabatan dalam usaha menjadikan Mini RTC sebagai pusat pengumpulan produk agrotani, huluan dan hiliran yang dihasilkan oleh penduduk kampung-kampung sekitar bagi tujuan mempelbagaikan sumber pendapatan masyarakat luar bandar.

Tuan Yang Di-Pertua,

(2) Kementerian ini juga telah mengambil beberapa inisiatif untuk memperkasakan peranan JKKK dan JKPP sebagai jentera Kerajaan di peringkat akar umbi. Antaranya kerjasama NBOS dengan UniKL untuk melatih secara berperingkat 248,235 ahli JKKK dan JKPP bagi mengiktiraf peranan dan fungsi JKKK dan JKPP dengan menganugerahkan Sijil Eksekutif dalam bidang kepimpinan dan tadbir urus desa. Dalam pada itu, Institut Kemajuan Desa (INFRA) turut mengendalikan kursus-kursus pengurusan kewangan kepada JKKK dan JKPP dalam usaha melahirkan kepimpinan berintegriti dan profesional.

Dalam usaha memperluaskan program-program pembelajaran sepanjang hayat, Kementerian ini telah mewujudkan Pusat Pembelajaran Bergerak (*Mobile Learning Center*) untuk memberi kemudahan kepada masyarakat desa termasuk JKKK dan JKPP

mengikuti pelbagai kursus bagi memperkuatkan keupayaan selaku *frontliner* di peringkat akar umbi. Pusat Pembelajaran Bergerak ini juga berfungsi sebagai medium penyebaran maklumat yang lebih tepat mengenai program dan dasar Kerajaan khususnya berkaitan pembangunan luar bandar. Kaedah ini dapat membuka ruang yang lebih luas untuk rakyat luar bandar diseluruh negara mendapat akses kepada pembelajaran dan latihan bukan formal.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Gooi Hsiao-Leung
[AlorSetar]

TARIKH : 9 NOVEMBER 2016 (RABU)

SOALAN : Tuan Gooi Hsiao-Leung minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
sama ada Kerajaan akan mengkaji
semula harga kawalan semasa atas
beras import yang dijual dalam negara,
dan keistimewaan yang diberi kepada
BERNAS untuk mengimport beras
tanpa membayar duti import beras,
yang telah menjaskan
kebolehpasaran beras keluaran
tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan Perjanjian Konsesi di antara Kerajaan dan BERNAS, harga beras import di peringkat gudang (punca utama) telah ditetapkan perlu dijual lebih tinggi daripada harga borong beras tempatan di pintu kilang. Ini adalah sebagai salah satu usaha Kerajaan bagi memelihara dan memastikan pasaran beras tempatan sentiasa terjamin. Selain itu, kawalan berbentuk kuota import juga dikenakan bagi memastikan pasaran beras dalam Negara tidak dibanjiri oleh beras-beras dari luar negara.

Berkaitan keistimewaan yang diberikan kepada BERNAS, prestasi BERNAS adalah dipantau oleh Kerajaan dari masa ke semasa melalui *Key Performance Indicators* yang telah ditetapkan bagi memastikan mereka menjalankan tanggungjawab dan tugas mereka. Antara tanggungjawab dan tugas BERNAS yang perlu dipenuhi termasuklah tugas untuk menjalankan obligasi sosial iaitu :

- i. mengurus dan mengekalkan **stok penimbang negara** pada paras kuantiti yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- ii. menjamin belian padi daripada petani pada **harga minima terjamin** (*guaranteed minimum price*);
- iii. menjadi **pembeli terakhir** padi kepada petani;
- iv. mengurus pembayaran **skim subsidi harga padi** kepada petani; dan
- v. mengurus **skim kilang Bumiputera**.